

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [BACHOK]**

TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan status terkini rancangan penggunaan kru bukan warganegara dalam vesel penangkapan ikan tempatan melalui pelaksanaan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) Jangka Pendek.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian masih membenarkan penggunaan kru bukan warganegara untuk bekerja di atas vesel penangkapan ikan tempatan bagi semua vesel Zon C2, vesel Zon C3 dan vesel jerut bilis zon A di Kedah dan Perak sehingga 100% manakala bagi vesel yang beroperasi Zon C dibenarkan sehingga 80% kru bukan warganegara bekerja di atas vesel penangkapan ikan tempatan dan mematuhi dasar dan peraturan yang telah ditetapkan.

Kementerian melaksanakan pemberian Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) Jangka Pendek untuk kru asing bekerja di atas vesel penangkapan ikan seperti berikut:

- i. PLKS Jangka Pendek dilaksanakan pada 7 Oktober 2020 berdasarkan Pekeliling Imigresen Bil.18 Tahun 2018. Pelaksanaan ini ditangguhkan dengan pemberian moratorium sehingga 31 Disember 2021 kepada warganegara asing yang bekerja di atas vesel penangkapan ikan tempatan. Ianya terpakai kepada 14,703 orang kru nelayan asing yang telah berada di dalam negara.
- ii. Kru asing yang masih berada di dalam negara adalah seramai 14,703 kru asing mengikut pecahan berikut:
 - a) 4,105 nelayan adalah pemegang Pas Pelaut/ *Seaman Pass*; dan
 - b) 10,598 nelayan mempunyai pasport namun tiada cop lakri keluar-masuk ke dalam negara daripada Jabatan Imigresen Malaysia. Mereka ini dicadangkan diambil bekerja semula melalui Program Rekalibrasi pekerja asing di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN).
- iii. Sehingga kini seramai 1,213 orang kru telah mendapat PLKS secara sah daripada pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

SOALAN NO: 19

Manakala seramai 4,050 orang kru telah didaftarkan semula untuk bekerja di atas vesel melalui program moratorium PLKS dengan menggunakan dokumen pasport yang sah sahaja.

- iv. Kementerian telah menyelaraskan bersama agensi berkaitan untuk memberi kebenaran masuk kepada kru asing warganegara Thailand melalui sempadan jalan darat di Bukit Kayu Hitam, Kedah, Wang Prachan-Padang Besar, Perlis, Sg. Kolok, Kelantan dan Sadao-Changlun, Kedah sejak bulan Mac 2021. Penyelarasan maklumat daripada pihak industri telah dikemukakan kepada Kementerian Luar Negeri (KLN) bagi tujuan permohonan kepada Kerajaan Thailand. Melalui kemasukan sempadan jalan darat ini, kos pengambilan baru kru asing dapat dikurangkan berbanding kemasukan melalui pengangkutan udara (kapal terbang).

Sekian, terima kasih.